

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

BERITA HARIAN, ISNIN, 8 SEPTEMBER, 1980

# Majikan diseru bersikap adil

ALOR SETAR, Ahad — Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, menyeru majikan bersikap adil terhadap pekerja mereka dengan membayar gaji yang berpatutan.

"Kita tidak mahu melihat kaum pekerja menghadapi tekanan yang tidak sihat dari majikan dengan memberi gaji yang terlalu rendah," katanya ketika merasmikan Phrmalaysia berharga \$4 juta di Sungai Petani, 38 batu dari sini petang ini.

Katanya, beliau menyuarakan perkara tersebut bukan bermaksud menyuruh pekerja-pekerja menuntut gaji

yang bukan-bukan, tetapi hanya ingin mengingatkan majikan supaya mereka bertanggungjawab terhadapnya.

Majikan, katanya, hendaklah menimbangkan seadil-adilnya nasib pekerja mereka yang memberi khidmat bagi menjayakan perusahaan masing-masing.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga mengingatkan pekerja bertanggungjawab dengan bekerja lebih tekun dan berminat.

"Kita tidak mahu melihat pekerja bekerja sambil lewa sahaja tanpa minat sedangkan mereka ingin mendapat ganjaran yang baik dari hasil kerja mereka," tambahnya.